

**UCAPAN RAPAT HARI KEBANGSAAN 2006,
AHAD 20 OGOS 2006, DI PUSAT BUDAYA UNIVERSITI,
UNIVERSITI NASIONAL SINGAPURA**

1. Pilihanraya Mei lalu telah menetapkan hala tuju Singapura. Masa depan kita cerah, dan negara kita bersedia untuk terus maju. Akhir-akhir ini, masyarakat Melayu Singapura turut sama melangkah maju ke depan. Hubungan di antara kaum turut bertambah erat. Tumpuan dan keprihatinan masyarakat anda, juga lebih menjurus kepada isu nasional yang lebih luas.

2. Salah satu isu nasional ini adalah bagaimana kita dapat sesuaikan ekonomi dan masyarakat kita dengan dunia yang pesat berubah. Kita membina industri teknologi hayat dan media digital. Kita membuka pasaran baru dengan masa depan yang cerah, termasuk di Timur Tengah. Kita mesti lengkapkan warga muda kita dengan kemahiran dan minda untuk merebut peluang baru. Yang penting, kita mesti kekalkan hala tuju, ketabahan yang kental, dan semangat berdikari di sanubari masyarakat kita.

3. Saya gembira masyarakat Melayu Singapura tidak melepaskan peluang ini. Di Institut Pendidikan Teknikal (ITE), politeknik dan universiti kita, penuntut Melayu berjaya dalam jurusan yang mereka ceburi. Anak muda Melayu yang berkebolehan sudah pun bekerja dalam bidang baru ini. Mereka kini menjalankan penyelidikan di makmal bioperubatan, mereka pakaian untuk gedung fesyen, dan mencipta grafik komputer di syarikat media, di dalam dan luar negara.

4 Sebagai contoh, Mohd Firman Osman, lulusan politeknik, berjaya mengejar impian untuk menjadi pereka permainan komputer. Beliau bekerja di *Koei*, sebuah firma permainan komputer terkemuka Jepun di sini. Ramai pula yang merebut peluang kerjaya di luar negara. Encik Hendra Ahmad, anak Melayu Singapura, ialah seorang jurutera di firma baru mereka kapal selam, Underwater Projects Group, di Florida. Cik Shirin Hamid, seorang lagi anak Melayu Singapura pula, merupakan ketua Jabatan Sistem Maklumat dan Teknologi, Program Pembangunan PBB atau UNDP, di New York.

5. Saya maklum ada segelintir anggota masyarakat kita yang masih lagi hidup dalam kesukaran. Maka itulah kami adakan pelbagai program untuk menolong mereka. Saya syorkan mereka ambil kesempatan daripada semua skim yang disediakan untuk baiki diri mereka. Contohnya, 600 keluarga telah menyertai Program Pemilikan Rumah dan Pendidikan (HOPE). Jika keluarga anda layak menyertai Program HOPE, saya harap anda akan timbangkannya.

6. Bagi mereka yang tidak ada pekerjaan, inilah masa yang baik untuk mencari kerja. Ekonomi Singapura sedang terus berkembang. Lebih daripada 81,000

pekerjaan telah diwujudkan sejak awal tahun ini. Banyak syarikat memerlukan pekerja dan mula mengambil pekerja baru. Jika anda bersikap terbuka dan positif, banyak peluang pekerjaan terbuka kepada anda.

Contohnya, Cik Rosmini Sulong, 43 tahun dan ibu kepada dua orang anak. Beliau hilang mata pencarian pada tahun 2002 bila tempat kerja beliau ditutup. Tapi, beliau tabah dan terus berusaha mendapatkan bantuan NTUC untuk membaiki kemahiran, dan akhirnya, mendapat kerja baru. Sekarang, beliau bekerja sebagai pekerja penjagaan kesihatan di Singhealth.

8 Kita harus contohi semangat juang Cik Rosmini. Jika anda telah lama menganggur, saya galakkan anda dapatkan bantuan daripada pusat-pusat Rangkaian Kerja Careerlink (DCN). Anda harus berusaha mempelajari kemahiran baru, dan siapkan diri anda untuk pekerjaan yang ada. Anda harus bersikap fleksibel. Jika anda lebih fleksibel, maka lebih mudahlah anda mendapat pekerjaan. Yang penting, anda tidak harus putus asa bila berhadapan dengan kesukaran. Dengan cara ini anda dapat berdikari dan berasa bangga. Dengan cara ini juga anda dapat menanggung keluarga dan menjanjikan masa depan yang lebih baik bagi anak-anak anda.

9. Pada masa yang sama, saya galakkan para majikan agar bersikap adil dan objektif bila mengambil pekerja, tanpa mengira kaum. Pemerintah mengambil pekerja berdasarkan merit, dan menilai calon pekerja berdasarkan sebaik dan secekap mana mereka melaksanakan kerja. Ini cara kita untuk dapatkan bakat. Inilah juga teras masyarakat kita yang berbilang bangsa.

10. Kesan teknologi baru, terutamanya Internet, ke atas masyarakat, merupakan satu lagi isu nasional. Era digital akan membuka banyak peluang dari segi ekonomi. Ia juga akan mengubah kehidupan kita. Tetapi, kita mungkin lebih terdedah kepada pengaruh luar, dan pandangan yang tidak munasabah atau ekstremis. Rakyat Singapura harus dapat membezakan mana yang benar dan mana yang tidak benar, mana yang baik dan mana yang buruk, yang dipaparkan di Internet. Kita mesti bekerja lebih keras untuk mengongsi pengalaman bersama, dan membina kesepakatan nasional.

11. Untuk mengekalkan hala tuju kita dalam dunia baru ini, kita mesti berpegang teguh kepada nilai-nilai budaya dan moral kita. Kita juga mesti mengukuhkan ikatan emosi di kalangan rakyat Singapura dan rasa cinta kita kepada negara. Seperti kata pepatah Melayu, "*di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*". Ini malah dirasakan lebih penting lagi bagi rakyat muda Singapura yang membesar dirangkai Internet. Mereka bersedia merebut peluang bekerja di seluruh dunia dan memburu cita-cita dan impian setinggi mungkin. Tetapi, mereka juga harus menanam semangat wajib membalas budi masyarakat, dan juga semangat mahu mencerahkan kehidupan orang lain di dalam diri sendiri.

12 Selain keprihatinan bersama ini, masih terdapat beberapa isu yang lebih relevan kepada masyarakat Melayu. Tahun lepas, saya bercakap tentang keluarga

yang bermasalah. Saya besar hati melihat masyarakat Melayu menyahutnya secara realistik dan membina.

13 Di Forum Pemimpin Masyarakat pada bulan November lalu, pelbagai program konkrit telah dilancarkan seperti Program Remaja Bermasalah dan Kempen Seksualiti Remaja. Pemerintah akan menyokong semua usaha ini dengan sepenuhnya. Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS) akan bekerja rapat dengan pertubuhan Melayu/Islam, mengadakan sumber yang cukup untuk menanganinya, dan membantu keluarga bermasalah membaiki kehidupan mereka.

14. Dengan pendekatan ini, masyarakat Melayu menunjukkan semangat "*kita boleh*". Berdasarkan semangat ini juga, masyarakat Melayu telah menubuhkan Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), untuk menasihati serta memulihkan tahanan Jemaah Islamiyah, dan memberi panduan kepada masyarakat am agar tidak diperdayakan.

15. Warga Melayu Singapura memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan negara kita. Rakyat Singapura daripada semua kaum perlu bersatu dalam mencapai tujuan kita, dan bekerja bersama sebagai satu pasukan kebangsaan. Saya yakin anda akan terus menajamkan kemahiran anda dan membina sebuah Masyarakat Cemerlang. Bersama-sama, kita akan wujudkan masa depan yang lebih cerah bagi masyarakat Melayu dan Singapura dalam dunia yang pesat berubah ini.

Terima kasih
